

PenPSM

oleh Pusat Sains Matematik

Menyebarkan Maklumat Merentasi Dimensi



KATA ALUAN DEKAN PSM

Alhamdulillah, syukur kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya, PenaPSM – Menyebarkan Maklumat Merentasi Dimensi Edisi Pertama telah dapat diterbitkan.

Pusat Sains Matematik (PSM) yang ditubuhkan dengan misi untuk menyediakan pendidikan berkualiti tinggi, penyelidikan dan perkhidmatan pelbagai disiplin dalam pengetahuan asas dan lanjutan dalam sains matematik. Diharapkan kewujudan PSM dapat memaksimumkan potensi manusia untuk kebaikan masyarakat dan negara. Penerbitan PenaPSM ini bertujuan memberi keseluruhan imej tentang misi dan visi PSM disamping mahu mempromosikan PSM kepada masyarakat serta rakan industri. Laporan berkaitan aktiviti pelajar dan pensyarah, peristiwa bersejarah dan kejayaan yang disampaikan melalui PenaPSM diharap memberikan satu perspektif yang positif terhadap perkembangan dan pembangunan pendidikan khususnya di PSM, UMP dan Malaysia amnya.

Akhir kata, saya menjemput para pembaca menjadikan PenaPSM sebagai bahan bacaan untuk dapatkan info untuk manfaat bersama. Bagi kumpulan pengarang PenaPSM, terima kasih atas usaha dan tenaga yang dikerahkan bagi menjayakan penerbitan pertama ini.

Prof. Dr. Mohd Zuki bin Salleh
Dekan, Pusat Sains Matematik

SEJARAH PSM

PSM ditubuhkan pada 6 Julai 2019 dengan misi untuk menyediakan pendidikan berkualiti tinggi, penyelidikan dan perkhidmatan pelbagai disiplin dalam pengetahuan asas dan lanjutan dalam sains matematik untuk memaksimumkan potensi manusia untuk kebaikan masyarakat.

Muka surat 2

KLINIK E-CENSUS 2020

Klinik ini diadakan sempena Program Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020.

Muka surat 3

MOA UNTUK WBL PROGRAM ANALITIK DATA

Perbincangan bertumpu ke arah usaha menjalin kerjasama antara UMP dan MIROS terutamanya bagi penempatan pelajar 2u2i program Analitik Data UMP.

Muka surat 4



SEJARAH RINGKAS PENUBUHAN PUSAT SAINS MATEMATIK (PSM)

PSM ditubuhkan secara rasminya pada 6 Julai 2019 selepas penstrukturan semula organisasi pentadbiran di UMP. Dahulunya, PSM diletakkan di bawah Fakulti Sains dan Teknologi Industri dan beroperasi di Blok A1. Kini, PSM bernaung dibawah Kolej Perkomputeran dan Sains Gunaan. Pusat pengoperasian dan bilik pensyarah PSM juga telah berpindah sepenuhnya ke Blok B1.

PSM ditubuhkan dengan misi untuk menyediakan pendidikan berkualiti tinggi, penyelidikan dan perkhidmatan pelbagai disiplin dalam pengetahuan asas dan lanjutan dalam sains matematik untuk memaksimumkan potensi manusia untuk kebaikan masyarakat. PSM juga komited dalam usahanya untuk memastikan kualiti dan standard semua Program Akademik Prasiswazah dan Pascasiswazah. Diharapkan para graduan PSM dapat memenuhi tenaga kerja negara ketika negara menuju ke arah negara ekonomi berpendapatan tinggi menjelang 2025.

Semoga PSM terus berdiri megah dalam memberikan khidmatnya kepada semua pelajar khususnya serta masyarakat amnya. Selamat Maju Jaya PSM.



PSM BERPINDAH


PSM secara rasminya telah berpindah dari Blok A1 ke Blok B1 pada 16 Oktober 2020. Kini PSM mempunyai bangunannya yang sendiri. Tahniat PSM!

GOTONG ROYONG PSM

PSM telah mengadakan sesi gotong royong pada 17 dan 24 September 2020. Acara ini adalah bertujuan membersihkan Blok A1 sebagai persiapan untuk berpindah ke Blok B1. Semua staf PSM telah turun beramai-ramai memeriahkan program ini. Masing-masing tidak sabar untuk berpindah ke blok baru dan mempunyai pejabat yang baru.

Terima kasih kepada semua yang terlibat!





Data Analytics and Applied Mathematics

journal.ump.edu.my/daam | Open access | Peer-reviewed | Frequency: Biannually

DATA ANALYTICS AND APPLIED MATHEMATICS (DAAM)

Dengan sukacitanya kami mengumumkan bahawa Jurnal Data Analytics and Applied Mathematics (DAAM) E-ISSN: 2773-4854 kini diindeks oleh MyJurnal. MyJurnal di bawah Bahagian Sitasi dan Infometrik, Kementerian Pendidikan Malaysia (dahulunya dikenali sebagai Malaysia Citation Centre (MCC)) mengumpul dan mengindeks semua jurnal di Malaysia seterusnya meningkatkan akses ke kandungan jurnal Malaysia kepada masyarakat global.



KLINIK E-CENSUS 2020

Pusat Sains Matematik (PSM) telah menganjurkan Program Klinik e-census 2020 dengan kerjasama Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) Pahang pada 8 September 2020. Program ini diadakan bagi memudahkan penjawat awam khususnya buat staf Universiti Malaysia Pahang (UMP) untuk membuat Pra Pendaftaran e-Census bagi pelaksanaan banci penduduk dan perumahan Malaysia 2020 (Banci 2020). Program ini telah dimeriahkan lagi dengan kehadiran Ketua Perangkawan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) iaitu YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, merangkap Pesuruhjaya Banci Malaysia 2020.

SKSM28

SIMPOSIUM KEBANGSAAN SAINS MATEMATIK KE-

Sains Matematik Wahana Pencetus Inovasi Sejahtera

SKSM KE-28 KEMBALI PADA 2021

SKSM ke-28 akan kembali pada 28-29 Julai 2021. Simposium ini yang akan dijalankan melalui platform dalam talian dianjurkan oleh Persatuan Sains Matematik Malaysia (PERSAMA) dengan kerjasama Pusat Sains Matematik, Universiti Malaysia Pahang.

Sila layari portal rasmi SKSM28 di <https://sksm28.ump.edu.my> untuk maklumat lanjut.



**BENGLK SEMAKAN KURIKULUM
PROGRAM SARJANA SAINS
(MATEMATIK INDUSTRI)
SWISS BELHOTEL, TANJUNG LUMPUR
23 SEPTEMBER 2020**

Tahniah dan terima kasih kepada semua JK Sarjana, pensyarah-pensyarah dan pihak pengurusan yang terlibat dalam menjayakan bengkel ini. Semoga program Sarjana Sains (Matematik Industri) terus maju dan berdaya saing pada masa hadapan.



**PERBINCANGAN MOA UNTUK
WBL PROGRAM ANALITIK DATA**

Pada 25 September 2020, satu lagi hasil positif berjaya dicapai melalui perbincangan "Memorandum of Agreement (MoA) for Work Based Learning (WBL) Education" antara PSM UMP dengan Malaysian Institute Of Road Safety Research (MIROS) untuk program Sarjana Muda Sains Gunaan (Kepujian) Analitik Data UMP. Perbincangan bertumpu ke arah usaha menjalin kerjasama antara UMP dan MIROS terutamanya bagi penempatan pelajar 2u2i program Analitik Data UMP. Semoga keputusan yang lebih gemilang berjaya dicapai pada masa hadapan.

**PENERIMA GERAN PENYELIDIKAN
UMP-IIUM-UTM
SUSTAINABLE RESEARCH COLLABORATION**

Dr. Sahimel Azwal Sulaiman
Dr. Muhammad Khairul Anuar Mohamed
Ts. Dr. Azlyna Binti Senawi
Dr. Siti Roslindar Binti Yaziz



Tahniah!

GOLD MEDALLISTS

DR. NORAZALIZA MOHD JAMIL & TEAM

INTERACTIVE CAKE-LIKE MOOC CALCULUS
31ST INTERNATIONAL INVENTION, INNOVATION & TECHNOLOGY EXHIBITION (ITEX' 20)
20-21 NOVEMBER 2020

**KEBANGGAAN
PSM**



Tahniah!

DR. SITI ZANARIAH SATARI
(Ketua Program Analitik Data)
Pusat Sains Matematik, Universiti Malaysia Pahang

Wakil Tetap Institut Statistik Malaysia
Bagi Universiti Malaysia Pahang
1 Oktober 2020 - 31 Mac 2022
oleh
Institut Statistik Malaysia



Congratulations! Gold Award

“Predictive Model for Pandemic Outbreaks: In Response to COVID-19”
in
Malaysia Technology Expo (MTE) 2020 Special Edition - COVID-19
International Innovation Awards
organised by
Professional Trade Exhibitions & Meeting Planners (PROTEMP)



DARI MEJA PENGARANG

Sungguh merimbun pokok jati
Bersebelahan padang pohon tin
Kami sungguh berbesar hati
Diberi mandat menghasilkan buletin

Idea Dekan dalam menghasilkan satu laporan berkaitan pencapaian semasa dan aktiviti PSM digarap JK Promosi dan Publisiti dengan penghasilan PenaPSM - Menyebarkan Maklumat Merentasi Dimensi. Adat kerja berpasukan, segala keputusan dicapai dengan pendekatan musyawarah iaitu persetujuan secara kolektif. Nama PenaPSM dan logonya juga diundi dan dipilih berdasarkan suara majoriti.

PenaPSM bertujuan untuk melaporkan hal ehwal semasa PSM kepada pemegang taruh UMP, komuniti dan industri. Ia bakal diterbitkan sebanyak 3 kali setahun. Semoga usaha ini dapat menjadi medium untuk PSM menyebarkan luas segala informasi terkait Matematik kepada umum.

Sungguh indah alam semulajadi
Sungainya penuh ikan haruan
Ilmu menjadi bekalan abadi
Mendidik masyarakat dahagakan pengetahuan

Terima kasih.

PENAUNG PenaPSM
PROFESOR DR. MOHD ZUKI BIN SALLEH

KUMPULAN KREATIF PenaPSM

DR. MOHD KHAIRUL BAZLI BIN MOHD AZIZ
DR. MUHAMMAD AZRIN BIN AHMAD
DR. MUHAMMAD KHAIRUL ANUAR BIN MOHAMED

ISSN 2785-8200



9 772785 820005